

Pemilihan Bahasa Komuniti Multilingual di Miri: Satu Penelitian Awal

Dayang Sariah Binti Abang Suhai
Nur Ardini Jian Abdullah @ Elmie Jian
Dr Norazuna Norahim
Hamidah Abdul Wahab
Damien Mikieng

asdsariah@cls.unimas.my, jelmie@cls.unimas.my, nazuna@cls.unimas.my,
awhamidah@cls.unimas.my, mdamien@cls.unimas.my
Pusat Pengajian Bahasa, Universiti Malaysia Sarawak

Abstrak

Kajian ini membincangkan dapatan awal penyelidikan yang sedang dijalankan yang meneliti situasi pertembungan bahasa dan kedudukan bahasa-bahasa terancam di beberapa kawasan terpilih di Sarawak. Kawasan kajian yang utama ialah di sekitar bandar Miri di Sarawak. Miri yang terletak di bahagian utara Sarawak sangat menarik untuk dikaji kerana landskap sosiolinguistiknya agak berbeza daripada masyarakat di bahagian selatan (Kuching, Sri Aman, Sibul). Selain Melayu, Kedayan, Cina, Iban dan Melanau, ia menempatkan pelbagai suku kaum dalam kalangan masyarakat Orang Ulu yang kebanyakannya mempunyai jumlah penutur kurang daripada 10,000. Bandar raya ini juga menjadi tumpuan masyarakat luar dan tempatan kerana industri petroleumnya. Satu kajian awal meneliti pola pemilihan bahasa komuniti di Miri dalam beberapa *domain* dan *setting* telah dijalankan. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif. Pengumpulan data dibuat melalui temubual berpandukan borang soal selidik, dan melalui penelitian pola penggunaan bahasa harian komuniti ini di beberapa tempat terpilih. Dapatan awal mendapati bahasa Melayu standard merupakan pilihan utama masyarakat Miri dalam interaksi antara pelbagai kaum. Ini berbeza daripada masyarakat di selatan Sarawak yang memilih dialek Melayu Sarawak. Faktor utamanya kebanyakan penutur daripada golongan Orang Ulu tidak memahami dialek Melayu Sarawak.

Kata kunci: bahasa terancam, pertembungan bahasa, pola pemilihan bahasa, komuniti minoriti